

RM5 juta atasi banjir Rawang

Projek dua fasa babitkan Pekan Rawang, Sungai Rajah

AZIMAH GHAZALI

RAWANG – Sebanyak RM5 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi masalah saliran sungai dan banjir terutama di kawasan Pekan Rawang dan sekitarnya yang akan dimulakan dua bulan lagi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rawang, Gan Pei Nei berkata, projek berkaitan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu fasa pertama membabitkan Pekan Rawang, manakala fasa kedua melibatkan naik taraf Sungai Rajah.

“Bagi kerja menaik taraf Sungai Rajah sahaja melibatkan kos diperuntukkan hampir RM4 juta untuk kerja seperti melebar dan mendalamkan sungai berkenaan di mana tender telah

ditutup 7 September lalu.

“Manakala projek akan dimulakan dua bulan lagi melibatkan Sungai Rajah sepanjang dua kilometer dari Kampung Rajah ke kawasan laluan Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM) Rawang,” katanya semasa lawatan ke sungai berkenaan.

Hadir sama, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang; Ketua Kampung Lim Tan, Tham Kok Cheong dan Ketua Kampung Rajah, Lok Fook Ping.

Dalam pada itu, menurut Pei Nei kemungkinan fasa pertama di Pekan Rawang akan melibatkan peruntukan kira-kira RM1.5 juta itu pula akan dimulakan Mac nanti dengan lantikan konsultan baru.

“Projek di Pekan Rawang sebelum ini mengambil masa berikutan terlibat dengan kerja-kerja pengalihan kabel utiliti dan sebagainya menyebabkan kos berkaitan meningkat.

“Kita berharap dengan siapnya projek ini nanti, ia bukan sahaja mengurangkan isu banjir kilat setiap kali hujan lebat di Pekan Rawang, tetapi masalah hakisan dan sebagainya di Sungai Rajah yang terletak berhampiran,” katanya.

Menurut Pei Nei, usaha Kerajaan Negeri ini adalah sebahagian projek tebatan banjir di Pekan Rawang, berikutan air dari situ disalurkan ke Sungai Rajah.

Dalam pada itu, Mohd Fuad juga mengingatkan penduduk sekitar supaya bekerjasama menjaga kebersihan sungai dengan tidak menjadikan sungai sebagai tempat mem-



Dua, kiri: Pei Nei dan Mohd Fuad (bertopi) bersama wakil setempat dan penduduk meninjau keadaan di Sungai Rajah.

buang sampah.

“Pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) juga boleh membantu menjaga kebersihan sungai ini dengan pengawalan sampah di peringkat saliran dari kawasan perumahan sebelum ia ma-

suk ke sungai,” katanya.

Sementara itu, Kok Cheong pula berkata, tiada banjir buruk di kawasan itu, namun menyambut baik usaha menaik taraf sungai yang cetek sebelum musibah itu berlaku.

Fook Ping pula mengakui sungai termasuk di kawasan yang sering dijadikan tempat pembuangan sampah segelintir penduduk, namun mengakui tidak dapat berbuat apa-apa berikutan isu tersebut disifatkan fenomena biasa.